

Nasional

Tiga pengarang negara terima Anugerah SEA Write

Pengiktirafan 3 tahun berturut-turut ambil kira kekuatan genre dihasilkan

Oleh Siti Fatimah Mohamed Anwar
ctfa@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tiga pengarang tanah air, Rejab Ismail, Zainal Abidin Suhaili dan Dr Mawar Safei dipilih sebagai penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) bagi 2016, 2017 dan 2018.

Penerima SEA Write bagi tiga tahun berturut-turut itu diumumkan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Abang Salehuddin Abang Shokeran, pada sidang media khas di Menara DBP di sini, semalam.

Abang Salehuddin berkata, ketiga-tiga mereka adalah penerima anugerah ke-38, ke-39 dan ke-40 sejak anugerah berkenaan diwujudkan pada 1979.

Beliau menjelaskan, Majlis Penganugerahan SEA Write 2016, 2017 dan 2018 tidak dapat dilaksanakan berikutan kemangkatan Raja Thailand, Raja Bhumibol Adulyadej pada 13 Oktober 2016.

"Tempoh berkabung berakhir pada 31 Oktober 2017 menyebabkan pihak penganjur menangguhkan pelaksanaan majlis anugerah sebelum ini," katanya.

Mengulas lanjut, Abang Salehuddin berkata, pemilihan kali ini lebih bersifat holistik dengan



Abang Salehuddin (dua dari kiri) bersama Rejab, Mawar dan Zainal Abidin selepas sidang media pengumuman Anugerah SEA Write di Menara DBP, Kuala Lumpur, semalam.
(Foto BERNAMA)

mengambil kira kekuatan genre yang dihasilkan pengarang.

"Pemilihan ini berasaskan pencalonan, panel penilai akan menilai dari segi kekuatan karya dan sumbangan terhadap masyarakat.

"Penilaian bukan dibuat dalam satu aspek saja atau bergantung terhadap satu-satu karya yang dihasilkan semata-mata, tetapi ia lebih menyeluruh," katanya.

Sementara itu, Rejab, 78, atau nama penanya Rejab F.I, menyifatkan anugerah itu amat bermakna dan bersyukur kerana mendapat pengiktirafan terbabit selepas 59 tahun mengabdikan diri dalam dunia penulisan.

Anak jati Padang Lati, Perlis, itu berkata, penulisan beliau kebanyakannya untuk pembangunan masyarakat desa yang disifatkan dekat dengan jiwanya.

"Karya saya juga banyak berunsurkan perpaduan kerana saya berkeyakinan bahawa perpaduan akan mengharmonikan kehidupan masyarakat di negara kita," katanya.

Bagi Zainal Abidin, 54, atau Abizai, anak kelahiran Kuching, Sarawak, anugerah itu disifatkan sebagai penghormatan terhadapnya yang sudah lama berkecimpung dalam penulisan puisi iaitu sejak awal 1980-an.

"Sudah lebih tiga dekad saya belajar membenih, menumbuhkan dan menjarar kata-kata. Ternyata penulisan puisi bukan mudah seperti disangka.

"Setakat ini, saya sudah menghasilkan sembilan kumpulan puisi dan Insyallah, dalam masa terdekat saya akan terbitkan buku puisi baharu serta kumpulan esei, selain kritikan," katanya.

Dalam pada itu, Mawar, 48,

berkata, anugerah berkenaan menjadi pemangkin untuknya terus menghasilkan karya berkualiti demi perkembangan kekusasteraan tanah air.

"Saya rasa ini adalah tanggungjawab yang cukup besar buat saya, sekali gus menaikkan semangat untuk terus menulis.

"Saya giat menulis sejak 1990-an dan saya akan terus menulis untuk pelajar saya dan memangkin semangat penulis muda untuk lebih giat berkarya," katanya.

Tiga penerima itu akan menerima anugerah berkenaan pada acara kemuncak Majlis Penganugerahan SEA Write Isnin ini di Bangkok, Thailand.

Anugerah Penulisan Sea Write adalah pengiktirafan yang diberikan oleh Kerajaan Thailand dan Yayasan Jim Thompson kepada pengarang dari seluruh Asia Tenggara.